

Kita 'debu' yang dikasihi Tuhan

TAKHTA SUCI: Pada permulaan Pra-Paskah, Yesus menjemput setiap daripada kita untuk “masuk ke dalam bilik dalaman kita iaitu kembali ke hati, pergi dari luar ke dalam supaya seluruh hidup kita termasuk hubungan kita dengan Tuhan mencerminkan realiti dalaman kita,” kata Sri Paus Fransiskus dalam homilinya untuk Misa pada Rabu Abu.

“Masuk ke dalam bilik dalaman anda bermaksud kembali ke hati... pergi dari luar ke dalam, supaya seluruh hidup kita, termasuk hubungan kita dengan Tuhan,” mencerminkan realiti dalaman kita.

Bapa Suci berkata bahawa Pra-Paskah menawarkan kita peluang untuk “kembali” kepada diri kita yang tulen, meninggalkan semua topeng dan ilusi yang terlalu kerap kita pakai.

“Dalam semangat doa dan kerendahan hati, kita menerima abu di atas kepala kita — abu mengingatkan kita bahawa kita adalah debu, tetapi debu yang dicintai dan dipelihara oleh Tuhan: “Abu yang diletakkan di atas kepala kita mengundang kita untuk menemui semula rahsia kehidupan” dan membolehkan kita merasakan diri tetap dan kekal dikasihi oleh Tuhan.”

Dipanggil untuk mengasihi

Bapa Suci kemudiannya menjelaskan bahawa pengiktirafan bahawa kita disayangi oleh Tuhan akan membantu kita untuk melihat bahawa kita dipanggil untuk mengasihi orang lain.

Amalan Pra-Paskah tradisional seperti doa, puasa dan sedekah bukan semata-mata amalan luaran, tetapi jalan yang menuju ke hati, ke teras kehidupan Kristian kita.

Mendengar suara Tuhan

Sri Paus Fransiskus menjemput semua orang untuk mendengar suara Tuhan yang memanggil kita untuk “masuk ke dalam bilik dalaman anda,” atau “kembali



Sri Paus Fransiskus menerima abu semasa Hari Rabu Abu di Basilika Santa Sabina, Roma. Gambar: Media Vatikan.

ke hati kita.”

“Terlalu kerap kita mendapati diri kita tidak lagi mempunyai ruang dalaman, terutamanya dalam dunia di mana segala-galanya telah menjadi “sosial.” Tetapi tepatnya di dalam bilik rahsia hati kita masing-masing kerana Tuhan telah turun untuk menyembuhkan dan menyucikan kita.”

“Mari kita masuk ke dalam ruang dalaman kita. Di sana Tuhan bersemayam, di sana kelemahan kita diterima, dan kita dikasihi tanpa syarat.”

Kembalilah kepada Tuhan dengan sepenuh hati

Bapa Suci mengakhiri homilinya dengan seruan, “Marilah

kita kembali kepada Tuhan dengan segenap hati kita!”

Prelatus itu menggalakkan umat beriman agar sepanjang Pra-Paskah untuk meluangkan masa beradorasi, memperuntukkan masa untuk mendengar suara Tuhan dalam kehidupan kita, dan tidak takut “untuk meninggalkan keseronokan duniawi dan kembali ke hati, kembali fokus kepada apa yang penting iaitu Tuhan.”

“Marilah kita mengakui siapa diri kita: debu yang dikasihi oleh Tuhan – dan bahawa, terima kasih kepada-Nya, kita akan dilahirkan semula dari abu dosa kepada kehidupan baru dalam Yesus Kristus dan dalam Roh Kudus.”

— media Vatikan

Jangan buang aku pada masa tuaku

Tema Hari Datuk, Nenek dan Orang Tua 2024

VATIKAN: Pada hari Ahad, Julai 28, umat Katolik di seluruh dunia dijemput untuk meluangkan masa bagi merenung tentang warisan dan kebijaksanaan besar yang diwarisi oleh datuk, nenek dan orang tua mereka.

Sebagai persediaan untuk Hari Sedunia untuk Datuk, Nenek dan Warga Emas Kali keempat, Dikasteri untuk Rasul Awam, Keluarga dan Kehidupan mengumumkan tema “Jangan buang aku pada masa tuaku” (rujuk Mazmur 71:9).

Menurut siaran akhbar dari Dikasteri, tema itu bertujuan “untuk menarik perhatian kepada fakta bahawa, kesunyian adalah pahit dan menyedihkan bagi ramai orang tua, Mereka selalunya menjadi mangsa budaya buang.”

Dalam pesannya, Sri Paus Fransiskus memetik ayat dari Mazmur 71 yang menggambarkan rayuan seorang warga

emas yang merenungkan kisah persahabatan mereka dengan Tuhan.

“Dengan menghargai karisma datuk, nenek dan orang tua serta sumbangan yang mereka berikan kepada kehidupan Gereja, Hari Sedunia itu berusaha untuk menyokong usaha setiap komuniti gerejawi untuk menjalin ikatan antara generasi dan untuk memerangi kesunyian, dalam kesedaran bahawa – seperti yang dinyatakan dalam Kitab Suci – “Tidak baik jika manusia bersendirian” (Kejadian 2:18).

Kesepian dan kelembutan masyarakat Kristian

Kardinal Kevin Farrell, Ketua Dikasteri untuk Rasul Awam, Keluarga dan Kehidupan, melahirkan rasa terima kasihnya kepada Sri Paus kerana menonjolkan kesunyian yang dialami oleh ramai warga emas.

“Keluarga dan komuniti gereja dipanggil untuk berada di barisan hadapan dalam mempromosikan budaya pertemanan, untuk mewujudkan ruang bagi berkongsi, mendengar, menawarkan pertolongan serta sokongan dan kasih sayang: dengan itu, barulah cinta Injil menjadi konkrit.”

Kesepian, adalah keadaan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan manusia, oleh itu, kita diajak untuk berpaling kepada Tuhan Bapa untuk mendapatkan penghiburan.

Sebagai orang Kristian, katanya, Hari Sedunia yang didedikasikan untuk datuk, nenek dan orang tua menyeru kita untuk mengeneipkan budaya buang kita dan menunjukkan “kelembutan dan perhatian penuh kasih sayang” kepada ahli masyarakat kita yang paling rapuh. — media Vatikan

Pengakuan seorang Katolik sejak lahir

Sebagai seorang Katolik yang Sdibaptis sejak bayi, saya cenderung untuk mematuhi semua peraturan dan undang-undang Gereja Katolik.

Saya dilahirkan dalam keluarga Katolik yang taat dalam semua kewajiban dan doa.

Ketika kebanyakan remaja dan dewasa keluar berpesta dan berkecimpung dalam muzik, filem dan fesyen terkini, saya adalah salah seorang daripada mereka yang selalu melepak di Gereja, melakukan segala-galanya dari pelayanan, aktiviti sehinggalah dalam mengendalikan OHP. Walau bagaimanapun, ini adalah kehidupan sosial saya, bukan kehidupan spiritual.

Sehingga pada awal usia 20-an saya mula mempersoalkan agama, dan praktik Gereja, malah mempersoalkan maksud doa-doa yang saya lafazkan sebelum ini.

Saya mulai tertanya-tanya dari mana datangnya doa dan ritual ini dalam Kitab Suci. Dan di tengah-tengah keraguan ini, juga disebabkan karier dan keutamaan yang berbeza, buat seketika saya benar-benar tersasar dari Gereja.

Adakah kita masih perlu mengaku dosa?

Sebagai seorang penganut Katolik yang taat tetapi bergelut untuk mencari keseimbangan antara Gereja dan kehidupan sosial, saya mendapati beberapa ajaran Gereja sudah tidak relevan misalnya dalam hal pengakuan.

Lebih-lebih lagi setelah terlibat dalam sesi IKD khususnya menge-

nai Sakramen Pengakuan.

Peraturan Gereja menyatakan jika tidak mengaku dosa, maka tidak sepatutnya menerima komuni. Saya mungkin tidak pergi mengaku dosa selepas menerima Penguatan, atau mungkin kem-kem anjuran Gereja selepas itu.

Tidak pernah terlintas di fikiran saya bahawa saya perlu mengaku dosa. Mengenang kata-kata 'Berkatilah saya Father kerana saya telah berdosa,' kedengaran agak dramatik dan kurang selesa bagi saya.

Kenapa saya berfikir sedemikian? Ini adalah kerana takrifan dosa kita telah berubah dan banyak perkara yang adalah 'dosa' masih boleh diterima. Maksud saya, saya mungkin akan mengaku dosa jika saya melakukan sesuatu yang benar-benar buruk.

Saya pernah bertanya kepada paderi, "Bagaimana jika seseorang itu tidak mempunyai dosa?" Paderi itu menjawab, "Maka itulah dosa iaitu dosa keangkuhan!"

Apa yang menyebabkan dosa?

Gereja Katolik mendefinisikan dosa sebagai "suatu ucapan, perbuatan, atau keinginan yang bertentangan dengan hukum abadi" (KGK 1849) dan "penolakan terhadap kasih Tuhan atau penolakan peluang untuk menerima kasih Tuhan dan menyampaikannya kepada orang lain" (KGK 1850).

Namun, sesi tentang Sakramen Pengakuan dalam pembelajaran IKD itu membuatkan saya terfikir apakah sebenarnya dosa bagi orang biasa.

Katakan orang biasa itu adalah saya — terus terang, saya kerap tidak menghadiri Misa, saya memperjuangkan rakan-rakan gay saya, saya akan membela orang yang perlu menggugurkan kandungan, saya tidak boleh menerima jika saya dinafikan kontraseptif dan saya sering menggunakan nama Tuhan dengan sia-sia — tetapi jika saya mengaku dosa-dosa ini, saya tidak dapat berjanji, saya tidak akan mengulanginya.

Walaupun bagaimanapun, saya akan mengaku berdosa apabila pada masa tertentu, saya memarahi dan menjerit kepada suami saya, atau pada ketika tidak mengendahkan rayuan rakan untuk yang perlukan bantuan atau bercakap buruk dan menilai orang lain secara sengaja atau tidak sengaja sehingga atau mengabaikan tanggungjawab saya sebagai anak perempuan, kakak, isteri, rakan, pekerja atau ahli masyarakat.

Mungkin jika saya mengubah pemikiran saya tentang dosa kepada satu set peraturan, dan menjadikannya sebagai panduan apakah saya telah mempraktikkan budaya mengasihi dalam semua tindakan, perkataan, pemikiran dan perbuatan saya — dan mendapati saya gagal menjadi orang yang penyayang kepada semua orang di sekeliling saya — maka saya memerlukan pengampunan dan pembebasan daripada dosa seperti ini.

Absolusi dan hukuman diberikan supaya kita dapat merenung dosa anda, dengan tujuan untuk tidak mengulanginya lagi. Adalah masuk akal jika saya membuat pengakuan



Setiap kita mempunyai pandangan sendiri tentang Sakramen Pengakuan.

dan mengakui tentang kegagalan saya untuk menjadi orang yang baik yang mendatangkan rasa bebas, yang akan mendorong saya maju ke hadapan serta berusaha memancarkan kebaikan kepada semua orang di sekeliling saya.

Katekismus Gereja Katolik menyatakan bahawa seseorang mesti mengaku dosa berat sekurang-kurangnya sekali setahun (KGK 1457). Saya akui, saya tidak pernah tahu tentang ini meskipun saya tahu jenis-jenis dosa!

Malah saya pernah berfikir, mengapa seseorang harus mengaku dosa mereka kepada manusia lain, bukannya ia harus dilakukan antara kita dan Tuhan, sama seperti bagaimana doa berfungsi.

Kini saya melihat Pengakuan sebagai, terapi percuma. Anda akan membayar banyak wang untuk sesi selama 30 minit dengan ahli terapi yang hanya akan bertanya beberapa soalan kepada anda tetapi tidak memberikan anda penyelesaian — mereka hanya mendengar.

Pengakuan memberi peluang kepada umat Katolik untuk didengari. Anda boleh meluahkan semua

fikiran kita, baik atau jahat, meluahkan kemarahan, kegembiraan dan kekecewaan kita.

Saya tidak tahu sama ada paderi akan memberikan penyelesaian, tetapi sekurang-kurangnya, kita akan dibebaskan daripada dosa, bebas dari rasa bersalah atau kemarahan dan keluar dari bilik pengakuan dengan perasaan lebih ringan serta bebas.

Amalan penebusan dosa dan pengampunan (yang datang dengan pengakuan) tidak terhad kepada penganut Katolik.

Agama politeistik, Hindu dan Buddha melakukan ritual sebagai penebusan dosa untuk mendapatkan pengampunan — konsepnya adalah sama, iaitu bebas daripada rasa bersalah, dan terus menjalani kehidupan yang bebas daripada belenggu dosa serta semangat segar untuk melakukan kebaikan di dunia. —

Jacelyn Johnson

Sekali sekala Jacelyn Johnson menikmati ceramah agama sebagaimana adanya, dalam usaha untuk menyebarkan pemerhatian stereotaip.

Bahagia dalam Tuhan

Kitab Suci pada hari Minggu kini menyebut dua gunung, Moria dan Tabor, di mana kepada kita melihat rencana dan hubungan antara Tuhan dan Putera-Nya Yesus sebagai Penyelamat kita.

Dalam pembacaan pertama: Peristiwa di gunung Moria. Kepercayaan dan semangat pengorbanan Abraham, yang diminta untuk mengorbankan anaknya (Kej 22:1-19).

Bukankah tuntutan Tuhan itu bagi pemikiran kita merupakan suatu batu sandungan luarbiasa? Tuhan yang bagaimanakah Tuhan ini, yang minta seorang ayah membunuh anaknya?

Tetapi kerana Abraham begitu percaya akan Tuhan dan bersedia memenuhi perintah-Nya, anaknya diselamatkan! Abraham figura hebat yang amat kukuh kepercayaannya, mampu menghadapi tututan dan ujian hidup yang begitu berat.

Pembacaan kedua: Peristiwa yang terjadi di gunung Moria juga bergema di gunung Tabor,

dan kemudian di bukit Golgota. Gunung Moria, Tabor dan Golgota memiliki makna rohani yang sangat berharga. Mengapa?

Kerana di puncak-puncak itu kita melihat dan bertemu dengan Tuhan, yang tidak pernah meninggalkan kita.

Tuhan selalu bersama dengan kita tidak kira pada hari terang mahupun gelap, dalam kegembiraan mahupun kesusahan.

Gunung-gunung itu memberi pelajaran kepada kita: Hanya apabila kita mahu dan bersedia meninggalkan apa yang paling kita cintai dalam hidup sekarang ini, dan bersedia mempersembahkannya kepada Tuhan, maka kita selalu dapat mengharapkan kebaikan Tuhan, meskipun kita tidak tahu bagaimana Tuhan akan membalas berbuat baik kepada kita.

Hanya dengan bersikap demikianlah kita dapat hidup, bangkit kembali, sembuh dari pelbagai penyakit, melihat sinar terang yang memberi harapan. Dan dengan demikian kita dapat

selalu memulai hidup baru.

Kita tidak dapat menggambarkan apa yang terjadi dalam transfigurasi Yesus di gunung Tabor (Mrk 9:2-10; Mat 17:1-9; Luk 9:28-36).

Hanya diberitakan, bahawa Yesus berubah rupa, pakaiannya sangat putih berkilau-kilauan. Kelihatan juga Musa sebagai pembebas perhambaan Israel di Mesir, dan Elia sebagai nabi besar.

Sebelum naik gunung, Yesus memberitahu murid-murid-Nya, bahawa Dia akan banyak menderita, dibunuh, tetapi akan bangkit kembali.

Di puncak gunung, Yesus memerlukan peneguhan hidup-Nya. Seperti sebelum tampil di depan umum, Dia terlebih dahulu turun ke sungai Yordan untuk dibaptis.

Apa yang dilakukan Yesus itu harus kita lakukan juga. Kita harus mengikuti Yesus naik gunung, agar dapat melihat kehadiran Tuhan dan ketika turun, pengalaman itu menguat-

HARI MINGGU PRA-PASKAH II (TAHUN B)

KEJADIAN 22:1-2.9A.10-13.15-18

ROMA 8:31B-34

INJIL MARKUS 9:2-10

kan kita.

Injil Markus juga mengingatkan kita bahawa tidak cukup hanya memandang dan memikirkan kehadiran Tuhan di gunung, tetapi harus juga mahu mendengarkan kata-kata Yesus untuk turun kembali memasuki hidup kita sehari-hari.

Peristiwa yang dialami Yesus di gunung Tabor mendorong kita juga untuk melihat kembali pengalaman-pengalaman kita di gunung Tabor hidup kita sendiri.

Apakah pengalaman itu dapat memberi terang dalam kegelapan hidup kita? Apakah pengalaman kita di puncak gunung hidup kita itu dapat memberikan kekuatan, keberanian dan harapan dalam perjalanan hidup kita? Seperti ketiga-tiga rasul (Petrus, Yakobus, Yohanes), di

gunung kita juga harus mendengarkan suara Tuhan: "Inilah Anak-Ku terkasih, dengarkanlah Dia!"

Sabda Tuhan itu memanggil kita untuk tetap selalu setia dan taat akan iman kita! Sebab bila kita berada di bawah, di daratan, dalam kehidupan sehari-hari, kita kerap kali tidak dapat melihat kemuliaan Kristus!

Yesus harus mengalami berada di dua gunung atau bukit, Tabor dan Golgota. Kita pun, bila ingin menjadi murid-Nya yang sejati, harus bersedia mempunyai pengalaman di kedua-dua gunung itu juga. Bukan hanya di Tabor tetapi juga di Golgota, agar dapat sungguh melihat kemuliaan Tuhan! *Mgsr F.X. Hadisumarta O.Carm, iman Katolik*

Perhimpunan pastoral Keuskupan Sandakan tumpu ekologi

SANDAKAN: Paroki Katedral St Mary di bawah bimbingan Paderi Paroki, Fr Simon Kontou dan Majlis Pastoral Paroki (MPP) menerajui Perhimpunan Pastoral Paroki keempat pada penghujung bulan lalu, dengan tema *Laudato Si'*.

Fr Simon menjelaskan bahawa paroki sedang menuju ke Konvensyen Pastoral Malaysia pada tahun 2026 dengan menumpukan empat isu utama iaitu Gereja, Ekologi, Sosial dan Keluarga.

Pada tahun lalu, semua paroki di Keuskupan Sandakan telah menyelidik isu-isu Gereja melalui ensiklik *Evangelii Gaudium*.

Bagi tahun ini, Keuskupan Sandakan akan membicarakan isu-isu ekologi dalam *Laudato Si'*.

Semua pemimpin pelbagai komiti, pelayanan belia dan rasul awam telah dijemput, untuk mendengar dan berdialog tentang sorotan enam bab *Laudato Si'* yang dibentangkan oleh ahli-ahli MPP.

Para peserta menghayati ensiklik Sri Paus Fransiskus *Laudato Si'* yang diterbitkan



pada tahun 2015.

Bapa Suci mengajak kita semua untuk menjaga, merawat alam dari kehancuran. Ensiklik *Laudato Si'* (Puji Bagi-Mu), merupakan ensiklik kedua Sri Paus Fransiskus dan mempunyai sub tajuk *On the care for our common home* (kepedulian untuk rumah kita bersama).

Dalam ensiklik ini, Sri Paus mengkritik konsumerisme dan pembangunan yang tak terkendali, serta kesal terjadinya kerosakan alam dan pemanasan global lalu mengajak semua orang di seluruh dunia untuk

mengambil “aksi global yang terpadu dan segera”.

Dengan menggunakan kaedah perbualan rohani dalam kumpulan, para peserta berbicara antara satu dengan yang lain dalam sikap mendengar serta menghormati.

Soalan utama untuk sesi perbualan rohani ialah, “Apakah Sukacita dan Berkah yang kita terima melalui Alam Semulajadi?”; “Apakah kebimbangan dan perjuangan yang kita hadapi terhadap perlindungan dan penghormatan terhadap Ekologi?” dan “Apakah harapan dan aspirasi kita dalam

menghargai dan melindungi Ekologi dan bagaimana kita akan mencapainya?”

Perbualan rohani ini dibimbing oleh fasilitator terlatih. Para peserta dapat meluahkan perasaan mereka dengan bebas dan ia pastinya mendekatkan semua orang.

Fr Simon telah mengingatkan bahawa walaupun perhimpunan telah berakhir, semua orang umat harus terus bertindak dalam melaksanakan pelan tindakan bagi memelihara ekologi dengan membantu Komiti Paroki Keadilan Ciptaan Tuhan, MPP dan pelayanan-pelayanan dalam paroki.

Kesembuhan tidak akan dialami tanpa mengenal Yesus



Lebih dua ribu umat memenuhi Gereja Sta Anna sempena sesi Pujian, Penyembahan dan Penyembuhan bersama Friar Don Don. Gambar: Today's Catholic.

KOTA PADAWAN: Gereja Sta Anna dibanjiri umat baru-baru ini yang menghadiri sesi Pujian, Penyembahan serta Penyembuhan Luka-luka Batin yang pertama bagi tahun 2024.

Meskipun hujan sangat lebat, ia tidak menghalang dua ribu umat untuk datang bagi merasakan cinta kasih Tuhan.

Sesi tersebut dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh paderi paroki Sta Anna, Friar Don Don Ramirez, OFM.

Syukur dan puji kepada Tuhan kerana kehadiran ribuan umat yang datangnya dari pelbagai kawasan seperti Kuching, Sibul, Miri, Mukah dan di luar kota metropolitan Kuching.

Bersesuaian dengan tema, “Marilah Lihat”

(Yoh 1:35), Friar Don Don mengingatkan bagaimana Yesus memanggil murid-murid pertamanya.

Yesus tidak hanya memanggil para rasul pertama tetapi Dia menyediakan waktu untuk bertemu, membiarkan para rasul untuk mengenal dan memahami Dia.

“Begitu juga pada masa sekarang,” kata Friar Don Don, “jika kita tidak mengenal, memahami dan menerima Yesus di dalam hati kita, maka sukar untuk kita mengalami sukacita, damai serta kesembuhan.”

Pada akhir homilinya, Friar Don Don menyeru umat agar sentiasa mendoakan antara sesama, taat membaca Kitab Suci, merayakan Ekaristi dan prihatin kepada mereka yang memerlukan. — *Today's Catholic*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Adakah perlu memberitahu semua dosa dalam Sakramen Pengakuan?

Soalan: *Sakramen Rekonsiliasi adalah semua hal yang berkaitan dosa, tetapi adakah kita perlu memberitahu segala-galanya semasa mengaku dosa? — Ingin tahu.*

Jawaban: Pernah sekali semasa kelas katekismus, saya bertanya kepada kanak-kanak sama ada mereka tahu bagaimana memulakan pengakuan. Seorang kanak-kanak pintar menjawab, “Pertama, kita harus berdosa terlebih dahulu!”

Adakah kita benar-benar mengaku semua dosa kita dalam Sakramen Rekonsiliasi?

Kita semua telah dicipta untuk hidup dalam perhubungan yang penuh kasih dengan Tuhan. Ini adalah tujuan kita sejak kita menerima rahmat pembaptisan dan apa yang kita panggil sebagai “anugerah sekarang.”

Tetapi sumber kegembiraan, kedamaian, hubungan intim ini boleh dipecahkan oleh dosa. Seseorang yang berusaha untuk berdamai dengan Tuhan dan Gereja mesti menunjukkan penyesalan dan “... mengaku kepada seorang paderi semua dosa besar yang belum diakui yang dia ingat setelah memeriksa hati nuraninya dengan teliti” (Katekismus Gereja Katolik § 1493).

Jadi, apa yang harus kita akui adalah dosa-dosa “berat” iaitu dosa-dosa yang telah menghancurkan persekutuan kita dengan Tuhan. Terdapat

tiga syarat yang mentakrifkan “dosa berat”:

- Pelanggaran serius terhadap perintah Tuhan.
- Kesedaran kita yang jelas tentang beratnya perbuatan itu
- Pilihan bebas kita untuk berbuat dosa

Kita bertanggungjawab untuk mengekalkan hati nurani yang terbentuk dengan baik, supaya kita sedar apa itu dosa serius.

Pengakuan dosa ringan (venial)

Tanpa benar-benar memutuskan ikatan kita dengan Tuhan, beberapa dosa masih membawa kepada keterasingan. Walaupun tindakan atau peninggalan ini secara asasnya tidak menjejaskan niat baik kita terhadap Tuhan, tindakan itu secara beransur-ansur menjauhkan kita dari hadirat-Nya.

Dosa-dosa kecil adalah pelanggaran terhadap belas kasihan, cinta Tuhan kepada kita dan cinta kita kepada sesama.

Luka terhadap cinta, walaupun tidak membawa maut kepada kehidupan rahmat, tetapi mungkin mempunyai akibat yang meluas. Ia umpama sebutir pasir di mata yang boleh menyebabkan lebih banyak kesakitan berbanding timbunan pasir pada kaki!

Gereja menjemput kita untuk mengaku dosa-dosa yang dipanggil “kecil” ini, kerana ia mero-

sakkan hubungan kita dengan Tuhan dan dengan orang lain.

Malah, “pengakuan dosa kecil kita secara teratur membantu kita membentuk hati nurani kita, melawan kecenderungan jahat, membiarkan diri kita disembuhkan oleh Kristus dan maju dalam kehidupan Roh” (Katekismus Gereja Katolik § 1458).

Akhir sekali, kemungkinan gaya hidup kita sentiasa mengabaikan perkara yang utama, mungkin juga kita mengutamakan diri dan selera kita. Sto Paulus memberitahu kita: “... sama ada kamu makan atau minum atau apa sahaja yang kamu lakukan, lakukanlah semuanya untuk kemuliaan Tuhan” (1 Kor. 10:31). Terdapat begitu banyak perkara yang kita lakukan untuk diri kita sendiri kerana kebiasaan, bukannya melakukannya untuk kemuliaan Tuhan!

Apa yang Tuhan kehendaki di atas segalanya, ialah kita memuliakan Dia dalam semua keadaan.



Bagaimana memuliakan Dia dalam apa juga keadaan? Cadangan saya ialah elakkan pertaubatan yang kosong iaitu melepaskan sesuatu dengan acuh tak acuh atau kurang serius.

Agar Tuhan sentiasa didahulukan dan dimuliakan, maka kita mesti mengubah sepenuhnya cara kita berfikir dan bertindak! — *Fr Nicolas Buttet, Aletia*

Sahabat kecil Yesus

Sambungkan titik-titik di bawah dan jangan lupa mewarnakannya.

Siapakah yang dilihat bersama Yesus semasa Dia menampakkan kemuliaan-Nya di gunung Tabor? Bongkar kod rahsia di bawah.



Bersukacitalah dalam pengharapan, tabahlah dalam kesusahan, dan bertekunlah dalam doa!
Roma 12:12



Tuhan turut bekerja dalam segala sesuatu untuk mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia...
(Roma 8:28)



Doa salam Ratu...mari kita berdoa Salam Ratu sepanjang Pra-Paskah ini.



Salam, Ya Ratu, Bunda yang berbelas kasih, hidup, hiburan dan harapan kami.



Kami semua memanjatkan permohonan, kami amat susah, mengeluh, mengesah dalam lembah duka ini.



Ya Ibunda, ya pelindung kami, limpahkanlah kasih sayang Mu yang besar kepada kami.



Dan Yesus, Putra Mu yang terpuji itu, semoga Kau tunjukkan kepada kami. O Ratu, o Ibu, o Maria Bunda Kristus.



V. Doakanlah kami, ya Santa Bunda Tuhan R. Supaya kami dapat menikmati janji Kristus

Ya Tuhan, Putra-Mu telah memperoleh bagi kami ganjaran kehidupan kekal melalui hidup, wafat dan kebangkitan-Nya. Kami mohon, agar dengan merenungkan misteri Rosario Suci Santa Perawan Maria, kami dapat menghayati maknanya dan memperoleh apa yang dijanjikan. Demi Kristus, Tuhan kami.

AMEN.

Kad petikan Sabda Tuhan.

Gunting tiga kad petikan Sabda Tuhan ini. Lekatkan ia pada buku atau kongsikan dengan rakan-rakan.



TUHAN adalah tempat perlindungan dan kekuatan kita. Dia sungguh-sungguh pertolongan kita pada waktu-waktu kesusahan (Mazmur 46:1)

Hello adik-adik,

Apa khabar? Injil Markus dalam Hari Minggu Pra-Paskah kedua menceritakan Yesus yang menampakkan kemuliaan-Nya dengan begitu indah, di atas gunung yang tinggi.

Tiga orang murid Yesus iaitu Petrus, Yakobis dan Yohanes bertuah kerana dapat menyaksikan peristiwa ajaib itu.

Mereka bukan sahaja menyaksikan wajah Yesus yang berubah rupa malah meli-

hat Elia dan Musa serta mendengar suara Tuhan yang menyatakan, "Inilah Anak-Ku yang ku kasihi, dengarkanlah Dia!"

Adik-adik, kita juga dapat melihat dan merasai kemuliaan Tuhan. Bagaimana? Dengan selalu menghadiri perayaan Misa Kudus, membaca Kitab Suci, berdoa dan beradorasi di hadapan Sakramen Mahakudus!

Salam sayang Antie Melly

BELIA MILENIUM

Perwakilan muda berhimpun di Roma sempena Hari Kesedaran Pemerdagangan manusia

KOTA VATICAN: Pada Februari 8, semua belia muhibah datang ke kota suci untuk mengambil bahagian dalam Hari Doa Sedunia dan Kesedaran terhadap Pemerdagangan Manusia.

Mereka juga menghadiri doa Angelus bersama Sri Paus Fransiskus yang menyeru para belia muhibah agar terus berusaha memerangi fenomena global yang dramatik seraya menyatakan bahawa begitu ramai saudara dan saudari kita tertipu dengan janji palsu, kemudiannya dieksploitasi dan didera.

Orang muda berkumpul di Rom untuk mengesahkan komitmen terhadap pemerdagangan manusia

Hari Doa Sedunia dan Kesedaran terhadap Pemerdagangan Manusia jauh pada pesta memperingati Sta Josephine Bakhita — seorang biarawati Sudan yang pernah menjadi hamba dan kerana perjuangannya menentang perhambaan, wanita kudus itu menjadi simbol komitmen Gereja

terhadap pelbagai bentuk pemerdagangan manusia.

Hari Doa Sedunia dan Kesedaran terhadap Pemerdagangan Manusia juga bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan meningkatkan kesedaran dalam memerangi pemerdagangan dan sebarang bentuk perhambaan, di mana berjuta-juta orang telah terperangkap serta ditakluki dengan keganasan dan ketidakadilan.

Membantu usaha Gereja untuk memerangi pemerdagangan manusia, Jaringan Talitha Kum global yang terdiri daripada lebih 6,000 religius wanita dan ahli awam. Talitha Kum juga disokong oleh Kesatuan Antarabangsa Superior General (UISG) dan Kesatuan Ketua Pemimpin Umum (USG).

Pada tahun ini, penyelaras antarabangsa Talitha Kum, Sr Abby Avelino, telah mengalu-alukan 50 perwakilan muda dari seluruh dunia untuk aktiviti kesedaran selama seminggu di Roma. — **media Vatikan**



September 16-20, 2024 — tarikh rasmi Sabah Youth Day-6

KENINGAU: Setelah tiga bulan berteka-teki akan tarikh SYD-6, akhirnya laman rasmi Facebook SYD-6 mendedahkan poster dan tarikh rasmi SYD-6 yang bakal berlangsung di Keuskupan Keningau.

SYD-6 dilancarkan pada November 3, 2023 di paroki St Joseph, Papar namun belum menyatakan tarikh rasmi SYD-6 yang akan diadakan di Katedral St Francis Xavier Keningau (KSFV).

Posting yang berbunyi "Hentikan gossip anda, di sini kami secara rasminya mengumumkan bahawa tarikh Sabah Youth Day 6 (SYD6) Keningau 2024 jatuh pada 16-20 September 2024," telah menarik 471 tanda suka dan 663 perkongsian.

Pada masa yang sama, di platform Tik Tok, video kreatif bertajuk, "Jangan lupa kita jumpa di sana..." bagi mengumumkan tarikh rasmi SYD-6, telah mengundang 28.7 ribu tontonan.

Kali terakhir SYD dijalankan ialah pada tahun 2021. Penganjuran SYD-5 telah mencatat sejarah dengan penganjuran program selama lima hari secara virtual pada 19-23 Julai, 2021 yang disertai oleh lebih 2,500 peserta. Walau pun dijalankan secara maya namun ia melibatkan tenaga pelayanan yang be-



sar dan komited.

SYD-6 membawa tema, "Maria Bangkit dan bergegas pergi", yang dipetik dari Injil Lukas 1:39. Berdasarkan sejarah SYD, ini merupakan kali kedua paroki KSFV menjadi tuan rumah

selepas 20 tahun, di mana ia menjadi tuan rumah edisi pertama SYD pada tahun 2004.

Dijangkakan lebih 3,000 para belia akan menyertai SYD-6 kali ini dan selain tiga Keuskupan di Sabah, keusku-

pan/agung dari luar juga dialu-alukan untuk menyertai acara besar ini. Para belia yang ingin mengetahui maklumat terbaharu SYD-6 boleh melayari pautan berikut: <https://linktr.ee/syd6keningau>. — **Juanis bin Marcus**

Doa dapat mengubah hati seseorang

VATIKAN: Santa María Antonia de Paz Figueroa, yang dikenali sebagai mama Antula, mengabdikan dirinya sepenuhnya untuk membantu orang lain merasakan kedekatan dan kasih sayang Tuhan, kata Sri Paus Fransiskus setelah prelatus itu mengumumkan wanita awam terhabis pada abad ke-18 itu sebagai orang kudus (Santa).

Dengan membiarkan hati dan hidupnya “dijamah” dan “disembuhkan” oleh Kristus, mama Antula tanpa mengenal lelah mewariskan Yesus sepanjang hidupnya dan selalu mengulangi kata-kata terkenal ini: Kesabaran itu baik, tetapi ketekunan lebih baik.”

“Semoga teladan dan perantaraannya membantu kita untuk bertumbuh sesuai dengan hati Tuhan, dalam kasih,” kata Sri Paus Fransiskus dalam homilinya setelah Misa Kanonisasi pada Februari 11 di Basilika Santo Petrus.

Santa María Antonia de Paz Figueroa adalah orang kudus wanita pertama di Argentina.

Mama Antula mempunyai hunungan kerohanian yang erat dengan Yesuit dan terus memimpin latihan spiritual Ignasian di Argentina meskipun ordo itu diusir dari Argentina.

Presiden Argentina Javier Milei turut hadir dalam Misa tersebut dan mengadakan pertemuan peribadi dengan Sri Paus pada Februari 12.

Claudio Perusini, pesakit strok parah dan sembuh setelah berdoa perantaraan kepada mama Antula, juga hadir.

Penyakit dan penyembuhan adalah tema utama dalam homili Bapa Suci Fransiskus



pada Misa yang juga merayakan Pesta Bunda Maria dari Lourdes dan Hari Orang Sakit Sedunia.

Merenungkan Injil dari Markus tentang “penyembuhan seorang penderita kusta” yang dilakukan Yesus, Sri Paus Fransiskus berbicara tentang bentuk-bentuk “kusta” lain yang membuat sebahagian orang, bahkan umat Kristian, mengasingkan dan mence-muh mereka.

Mereka yang menderita penyakit kusta pada zaman Yesus, semakin menderita akibat diasingkan dan ditolak oleh masyarakat kerana ketakutan serta prasangka, kata Sri Paus.

Orang ramai takut dijangkiti penyakit ini, berprasangka buruk serta percaya bahawa mereka yang sakit tersebut dikutuk oleh Tuhan atas dosa yang telah mereka lakukan.

Ketakutan, prasangka dan kewarakan

palsu mewakili “tiga penyakit kusta” yang menyebabkan mereka yang sakit, dibuang, tidak dipedulikan dan diasingkan begitu sahaja.

Yesus meruntuhkan hambatan-hambatan tersebut dan menyembuhkan bentuk-bentuk baharu “kusta,” dengan mendekati diri, menyentuh serta menyembuhkan mereka.

“Yesus boleh saja menghindari menyentuh lelaki berpenyakit kusta itu atau melakukan penyembuhan jarak jauh, tetapi itu bukanlah cara Kristus.”

Cara-Nya adalah mendekati diri kepada mereka yang menderita, menjamah mereka dan menyentuh luka-luka mereka.”

Umat Kristian harus merenungkan apakah mereka, seperti Yesus, mampu mendekati diri dan menjadi berkat bagi orang lain, kata Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

Kisar makanan haiwan untuk dijadikan roti

Kelaparan dikhuatiri meningkat di utara Gaza

JALUR GAZA: Sebuah agensi PBB yang bekerja di Palestine mengatakan Israel telah menolak setengah dari permintaan bantuan yang diajukan oleh agensi tersebut untuk Jalur Gaza.

Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestine di Timur Dekat (UNRWA) telah mengenal pasti kawasan kebuluran dan kelaparan di utara Semenanjung Gaza, di mana orang ramai dikhuatiri berada di ambang kebuluran.

Ketua UNRWA, Philippe Lazzarini mengatakan 300,000 orang di wilayah utara bergantung pada bantuan agensi tersebut untuk bertahan hidup, dan akses terhadap bantuan kemanusiaan untuk menyelamatkan mereka yang terperangkap.

Tepung, beras, dan makanan kaleng telah habis di tengah-tengah pengepungan yang terus menerus — situasi ini diperparah dengan kurangnya makanan, air, dan nutrisi di daerah-daerah yang memerlukan.

Keadaan begitu terdesak sehinggalah penduduk kawasan tersebut dilaporkan mengisar makanan haiwan untuk menghasilkan tepung untuk roti.

Jumlah korban maut warga Palestine akibat serangan terus-menerus Israel di Gaza kini mencapai 27,947 orang, seperti yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan yang dikendalikan oleh Hamas.

Di tempat lain, serangan peluru berpandu Israel menasaskan kawasan di barat ibu kota Syria Dam-syik pada Februari 9. Seorang anggota Hizbullah terbunuh, dan tiga orang awam cedera pada dalam konfrontasi di sempadan Lubnan-Israel. — *media Vatikan*

Turki ubah Gereja abad ke-12 jadi masjid

CHORA, Istanbul: Pemerintah Turki telah memutuskan untuk mengubah gereja Bizantium abad ke-12 menjadi masjid, seperti yang terjadi pada Hagia Sophia yang terkenal di Istanbul, kata sebuah laporan.

Gereja Juru Selamat Suci di Chora, yang dikenali sebagai Gereja Chora, telah berfungsi sebagai muzium selama 79 tahun dan mulai digunakan untuk menyelenggarakan ibadat serta ritual Islam pada Februari 23 lalu.

Gereja ini terkenal di seluruh dunia kerana lukisan dinding dan mosaiknya serta salah satu contoh seni Bizantium terbaik di dunia. Lukisan-lukisan dinding yang berfokus kepada inkarnasi Tuhan, ditutup dengan tirai sejak bangunan itu mulai digunakan sebagai masjid.

Gereja ini terletak di bahagian barat laut Kota Tua Istanbul, tidak jauh dari Gerbang Bizantium Adrianople yang bersejarah.

Ia juga merupakan sebahagian dari kompleks biara abad keenam dan dibangunkan pada abad ke-12. Gereja ini kemudi-



Gereja Bizantium abad-12, diubah jadi masjid oleh kerajaan Turki.

an direnovasi total pada awal abad ke-14.

Mengikuti laporan, Gereja itu dijadikan tempat Sultan Mehmed II dari Kekaisaran Ottoman memasuki Konstantinopel dengan penuh kemenangan setelah menaklukkannya tahun 1453.

Pembukaan kembali Notre Dame diraikan hingga Pentakosta 2025

PARIS: “Pembukaan semula Katedral Notre Dame pada Disember 8, akan diteruskan sehingga tahun hadapan,” kata Uskup Agung Paris dalam surat pastoralnya.

Katedral ikonik itu dibuka semula selepas lima tahun dan 10 bulan ditutup akibat kebakaran dahsyat pada April 2019.

Uskup Agung Laurent Ulrich memberikan beberapa butiran dalam surat pastoralnya pada Februari 2 lalu tentang rupa

pembukaan semula itu dan menekankan ia bukan perayaan sehari tetapi diraikan sehingga tahun hadapan.

Uskup Agung mengumumkan bahawa “perayaan pembukaan semula Notre Dame ini layak mendapat oktaf: setiap hari dari Disember 8 - 15 diadakan perayaan dengan tema tertentu.” Tetapi “pembukaan semula” akan berlangsung sehinggalah Jun 8 iaitu Pentakosta 2025. — *media Vatikan*

Sinode tentang Sinodaliti adalah proses menjadi Gereja yang ‘lebih baik’

WASHINGTON: Sinode tentang sinodaliti, “satu mesyuarat tentang mesyuarat,” yang pada dasarnya adalah proses untuk menjadi Gereja yang lebih baik, kata Kardinal Washington Wilton D. Gregory semasa perhimpunan Persatuan Kolej dan Universiti Katolik pada Februari 4 lalu.

Kardinal itu menjelaskan bahawa sinode itu diperlukan kerana ada kalanya “Gereja pada zaman moden kita tidak jujur, mesra, kurang penyayang dan kurang berbelas kasihan.”

Dalam sesi pleno tentang sinode yang sedang berlangsung semasa mesyuarat tahunan persatuan di Washington, Kardinal Gregory berkata “Sri Paus Fransiskus mengajukan soalan kepada kita, bagaimana kita boleh meneliti semula mesyuarat Gereja, pelayanan, pentadbiran, paroki dan juga pendidikan supaya kita boleh menjadi Gereja yang lebih baik?”

Ini bermakna kita harus memberi tumpuan kepada bagaimana umat Katolik boleh menjalankan misi Gereja “dengan lebih lengkap dan autentik dengan memberi tumpuan kepada Kristus, kepada kasih dan belas kasihan-Nya untuk setiap orang,” kata kardinal itu, seraya

menambah “maka bagaimana menjadikan paroki kita, pentadbiran diosesan, Kuria Roma dan sekolah-sekolah Katolik kita, dari peringkat pendidikan awal hinggalah pendidikan tinggi — mempunyai Kristus sebagai fokus mereka.”

Sesi pleno itu juga termasuk ucapan dan ulasan oleh Julia Oseka, salah seorang perwakilan sinode dari Amerika yang juga merupakan pelajar di Universiti St Joseph di Philadelphia dan peserta aktif dalam pelbagai pelayanan kampus.

Vatikan mengumumkan pada Februari 3 lalu bahawa 300 paderi paroki dari seluruh dunia akan diundang ke Roma pada April ini bagi menyumbangkan pengalaman kehidupan paroki mereka ke dalam proses sinode.

Kardinal Gregory mengatakan beliau telah menyertai banyak sinode selama 40 tahun menjadi uskup. “Salah satu aspek luar biasa dari sinode ini adalah bertemu dengan orang-orang yang mewakili umat beriman global. Kami berbicara dalam bahasa yang berbeza, usia yang berbeza, dan berasal dari komuniti serta budaya berbeza, namun kita adalah satu keluarga Katolik!” kata Kardinal Gregory. — *media Vatikan*



Julia Oseka, 22, seorang mahasiswi dari Universiti St Joseph di Philadelphia, merupakan salah seorang delegasi AS untuk Sinode tentang Sinodaliti pada Oktober tahun lalu di Vatikan.

AUDIENSI UMUM RABU SRI PAUS FRANSISKUS BERSAMA UMAT AWAM

Syaitan di tengah hari!

ROMA: Meneruskan siri katesisnya tentang kebajikan dan dosa, Sri Paus Fransiskus menumpukan “dosa yang sering diabaikan” dalam Audiensi Umum Hari Rabu pada Februari 14 lalu.

“Pada hakikatnya, kemalasan adalah kesan lebih daripada satu sebab. Apabila seseorang itu leka, malas, atau tidak peduli, kita mengatakan mereka malas. Tetapi seperti yang diajarkan oleh para bijaksanaan gurun kuno, ‘kemalasan’ ini berakar pada *acedia*, perkataan yang berasal dari bahasa Yunani, secara harfiah bermaksud ‘kekurangan penjagaan’.”

Bapa Suci menyatakan bahawa kemalasan adalah godaan yang sangat berbahaya, kerana “semua mereka yang merasakannya mula menyesali masa yang terbuang dan masa remaja yang tidak dapat diputar kembali.”

Syaitan di tengah hari

Sri Paus memetik huraian daripada seorang pertapa pada abad keempat Evagrius Ponticus, yang merujuk kepada kejahatan ini sebagai “syaitan di tengah hari” (*noonday demon*).

Jelasnya, “Orang yang malas dan tidak melakukan pekerjaan Tuhan dengan keprihatinan sehingga pada suatu waktu, kemalasan itu mencengkam hidupnya, lebih-lebih lagi ketika berasa letih sehingga merasakan hidup mereka adalah statik.”

Mereka yang dicengkam oleh *acedia* merasakan bahawa tidak ada makna dalam kehidupan. “Ini adalah sejenis kematian yang dipercepatkan,” kata Sri Paus.

Kesabaran iman

Mengingatkan bahaya dosa ini, Bapa Suci memberitahu petua atau amalan daripada



Sri Paus bersalaman dengan para penziarah selepas Audiensi Umum Hari Rabu.

bapa-bapa rohani dalam melawan “syaitan di tengah hari” tersebut.

Para bapa rohani menekankan “kesabaran iman. Walaupun mempunyai keinginan untuk berada di ‘tempat lain’, seseorang harus mempunyai keberanian untuk tetap kekal dan mengalu-alukan kehadiran Tuhan di mana sahaja, pada masa ini dan sekarang,” jelas Bapa Suci.

Sri Paus Francis memberi amaran terhadap “kejahatan” yang menggoda membuat anda percaya bahawa semuanya adalah sia-sia, tiada apa yang bermakna, bahawa ia tidak berbaloi untuk menjaga apa-apa atau sesiapa pun.”

Orang-orang kudus beri petua berguna

“Berapa ramai orang, dalam cengkaman *acedia*, diganggu oleh kegelisahan yang tidak diketahui dan bagi mereka yang bo-

doh atau tidak sabar, meninggalkan kehidupan baik yang telah mereka lakukan,” keluh Sri Paus.

Sri Paus Fransiskus mengongsikan bahawa para pertapa pernah mengongsikan kepadanya bahawa ‘gurun’ adalah guru kehidupan yang terbaik kerana ia adalah tempat yang secara konkrit dan setiap hari bercakap kepada kita dalam cinta Tuhan.

Bapa Suci mengambil contoh orang-orang kudus di mana “dalam buku catatan mereka, kita dapat melihat bahawa mereka menghadapi “saat-saat yang mengerikan akibat gangguan *acedia* tetapi dengan mengekalkan komitmen yang meskipun kecil, dengan menetapkan matlamat yang lebih mudah dicapai tetapi pada masa yang sama untuk bertahan dengan bersandar pada Yesus, yang tidak pernah meninggalkan kita dalam percubaan.” — *media Vatikan*

Lakukan ini sebelum berdoa

Pra-syarat penting untuk mana-mana jenis doa ialah kerendahan hati di mana kita tidak takut untuk meminta pengampunan daripada Tuhan.

Setiap kali kita berdoa, penting untuk bukan sahaja mengenali peranan kita di dunia, tetapi juga memohon pengampunan Tuhan untuk dosa-dosa kita.

Katekismus Gereja Katolik menjelaskan pra-syarat ini dalam bahagiannya tentang doa:

“Pergerakan pertama dari doa permohonan adalah memohon pengampunan, seperti kisah pemungut cukai dalam Injil yang berkata, “Tuhan, kasihanilah aku orang berdosa!” Ia adalah pra-syarat untuk doa yang kudus dan suci. Kerendahan hati membawa kita kembali ke dalam terang persekutuan antara Bapa dan Putera-Nya Yesus Kristus dan antara satu sama lain, supaya “kita menerima daripada-Nya apa sahaja yang kita minta” (KGK 2631).

Adakalanya, kita tergoda untuk menjadi terlalu sombong apabila kita berdoa, memikirkan bahawa Tuhan harus menjawab doa kita dengan cara yang kita mahu.

Namun, Tuhan tidak tunduk kepada kehendak kita, seolah-olah dia adalah jin dan hamba kita.

Sebaliknya, kitalah yang perlu tunduk, memukul dada kita seperti si pemungut cukai dan menyedari bahawa kita memerlukan pengampunan daripada Tuhan.

Katekismus juga menjelaskan, “Meminta pengampunan adalah pra-syarat

untuk kedua-dua liturgi Ekaristi dan doa peribadi” (KGK 2631). Itulah sebabnya kita memulakan setiap Misa dengan pelbagai aksi yang menyatakan kesedihan atas dosa-dosa kita.

Apabila membaca kehidupan orang-orang kudus, kita melihat bahawa mereka sentiasa mempunyai sifat-sifat ini iaitu mengakui dosa dan berandal kepada Tuhan.

Sebelum kita mendekati Tuhan dengan permohonan kita sendiri, kita mesti mengenali bagaimana kita telah gagal dalam mencari belas kasihan Tuhan.

Yesus mengajar kita bagaimana berdoa iaitu memulakan doa dengan mengucap syukur kepada Tuhan atas segala yang


telah kita terima.

Mempelajari cara berdoa selalunya sukar, tetapi berita baiknya ialah Yesus memberi kita contoh dengan kehidupannya.

Katekismus Gereja Katolik menyebutkan bagaimana Yesus sering memulakan doanya dengan ucapan syukur kepada Tuhan.

Mengucap syukur perlu menjadi sebahagian daripada kehidupan doa kita, terutamanya jika kita meminta Tuhan untuk sesuatu.

Sebelum kita meminta lebih banyak jawapan doa daripada Tuhan, kita perlu berterima kasih kepada-Nya atas apa yang telah kita terima! — *Aletia*



Memohon pengampunan, ucapan syukur prasyarat untuk Ekaristi dan doa.

PENULIS BERKICAU

Enam jalan henti peperangan

Pemimpin Gereja Katolik Roma seluruh dunia, Sri Paus Fransiskus, menyatakan keprihatinan mendalam atas meningkatnya konflik, perpecahan, dan meluasnya “budaya kematian.”

Prelatus itu menggambarkan keadaan pada masa ini seperti “Perang Dunia Ketiga yang meletus sedikit demi sedikit.”

Bapa Suci pernah mengingatkan perkara ini di hadapan para pegawai Diplomatik di *Hall of Benedict*, Vatikan, pada Januari lalu.

Hadir dalam acara itu antara lain para Duta Besar Negara ASEAN — Indonesia, Malaysia, Singapura, dan Filipina.

Menurut Bapa Suci, adalah tanggung jawab individu dan negara untuk memupuk dan mengusahakan perdamaian.

Sri Paus Fransiskus membentangkan enam jalan untuk mencipta dan memupuk perdamaian.

Pertama, menghormati kehidupan.

Kedua, menghormati hak-hak asasi manusia. *Ketiga*, dialog harus menjiwai komuniti antarabangsa.

Keempat, melalui dialog politik dan sosial kerana dialog merupakan dasar bagi hidup berdampingan secara damai dalam komuniti politik moden masa kini.

Kelima, jalan perdamaian juga harus melalui dialog antaragama. Perlunya perlindungan terhadap kebebasan beragama dan penghormatan terhadap kelompok minoriti.

Terakhir atau keenam, jalan menuju perdamaian melalui pendidikan yang merupakan sarana utama untuk masa depan dan generasi muda.

Sesungguhnya, cara-cara yang dilakukan Hamas dan Israel bukanlah langkah baik untuk menyelesaikan perselisihan antara masyarakat.

Perselisihan itu hanya akan memperburuk dan menyebabkan penderitaan bagi semua orang.

Saya bersama orang-orang yang muhibah, amat menyokong seruan Sri Paus untuk gencatan senjata dan akses bantuan kemanusiaan bagi rakyat Palestine.

Kesan yang paling utama apabila berlaku peperangan adalah kehilangan nyawa dan sumber manusia.

Sesebuah negara dibina atas usaha dan kesatuan ahli masyarakat setempat untuk memiliki tanah yang mereka diami seterusnya menjalani kehidupan yang bebas daripada ancaman keselamatan.

Jika perang berlaku, bukan sahaja tentera terkorban tetapi juga nyawa-nyawa yang tidak bersalah seperti kanak-kanak, wanita dan warga emas.

Negara yang mengambil keputusan untuk berperang pastinya mempunyai kekuatan tentera dan senjata yang mampu memusnahkan musuh mereka.

Pencerobohan, kejayaan akan berlaku tanpa mengira batas perikemanusiaan. Selain daripada kematian akibat bom dan senjata, rakyat yang terlibat dengan perang terdedah kepada pelbagai penyakit kerana institusi kesihatan seperti hospital dan klinik juga tidak dapat berfungsi.

Dahsyatnya kesan peperangan lain ialah pencemaran radioaktif daripada bom dan senjata yang digunakan yang boleh merebak ke kawasan sekitar.

Tumbuh-tumbuhan akan mati dan tanah akan kehilangan nutrien kerana dicemari radiasi daripada senjata-senjata api yang digunakan. Sekiranya pencemaran ini dibiarkan berlaku, masyarakat akan sukar untuk melakukan aktiviti pertanian selepas peperangan tamat.

Namun, pucuk pangkalnya yang membuat keputusan adalah pemimpin-pemimpin negara yang hanya mementingkan kepentingan diri dan kroninya. Yang menanggung akibat dan kesan daripada peperangan adalah rakyat.

Semoga nilai keamanan, toleransi dan empati disemat dalam setiap individu di seluruh pelusuk dunia agar perkataan perang menjadi pupus dalam kamus kehidupan generasi masa kini dan akan datang.

CFM merafak sembah tahniah kepada Sultan Ibrahim sebagai Agong ke-17

KUALA LUMPUR: Persatuan Konferasi Kristian Malaysia (CFM) merafak sembah tahniah kepada Sultan Ibrahim yang melafaz dan menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 pada Januari 31 lalu.

Dalam kenyataan bertarikh Februari 7 tersebut, CFM menyatakan, "Bagi pihak komuniti Kristian di Malaysia, Persekutuan Kristian Malaysia, menyambut dengan penuh kegembiraan dan kegirangan atas pelantikan

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Ibrahim, sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 dan juga Seri Paduka Baginda, Raja Zarith Sofiah, Raja Pemaisuri Agong.

"Sebagai rakyat Malaysia yang setia, kami terus berdoa kepada Tuhan Yang Maha Esa untuk mereka yang berkuasa di Malaysia yang tercinta ini dan dengan itu, kami memohon kepada Tuhan Yang Maha Esa, agar mengurniakan kebijaksanaan dan kekuatan yang berterusan kepada Duli Yang Maha

Mulia baginda untuk sentiasa mengekalkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat di Malaysia."

Kami berdoa agar sepanjang pemerintahan Tuanku, semoga Malaysia semakin berkembang maju dan rakyatnya menikmati berkat perpaduan, keamanan dan kemakmuran di bawah bimbingan inspirasi dan belas kasihan Tuanku," demikian CFM mengakhiri kenyataan sembah tahniah mereka kepada DYMM Agong Sultan Ibrahim.



Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong ke 17 bersama Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Uskup seru religius beri kesaksian keindahan hidup dalam komuniti



KUALA PENYU: Janganlah menjadi manusia teknologi tetapi hiduplah dalam komuniti, bersaksi bahawa Tuhan itu hadir dan berandalkan pada Tuhan dalam kehidupan harian, kata Uskup Cornelius Piong yang memimpin perayaan Ekaristi sempena Hari Hidup Bakti Sedunia pada Februari 1, di Gereja St Peter, Bundu.

Sebelum itu, perayaan Hari Hidup Bakti, terlebih dahulu para religius bersama paderi dan umat berdoa doa tridum.

Turut hadir dalam perayaan itu ialah Fr Andrew Kim, Pengerusi Majlis Hidup Bakti bagi Keuskupan Agung Kota

Kinabalu.

Dalam homilinya, Bapa Uskup menekankan pesanan Sri Paus Santo Yohanes Paulus II akan tiga perkara utama dalam hidup bakti iaitu sentiasa berdoa, mengakui kehadiran Tuhan dan mempromosi keindahan hidup berkumuniti.

Prelatus itu mengingatkan para religius bahawa sebagai komuniti hidup bakti, perhatikanlah sikap komuniti yang setia berdoa dan mendoakan keperluan keuskupan, keperluan umat dan keperluan dunia.

Bapa Uskup juga menyeru para religius agar menjadi komuniti biarawan dan

biarawati yang bersifat ambil peduli, setia dalam pelayanan dan turut serta dalam memperjuangkan serta merealisasikan misi, visi dan matlamat keuskupan.

Dalam sesi perkongsian oleh Sister Liza Pileh dari kongregasi *Franciscan Sisters Of The immaculate Conception* (FSIC), yang baharu melafazkan kaul kekalnya pada Januari 13 lalu, menyatakan bahawa kehidupan religius tidak mudah.

Walau bagaimanapun dengan berandal pada Tuhan, sentiasa menantikan Dia dalam Adorasi, merayakan Sakramen-sakramen dan menghayati Firman-Nya,

kita akan dapat merangkul Yesus, sumber Cahaya dan Harapan dalam kehidupan.

Fr Giovanni Sugau, Superior Kongregasi *Carmelitae Sancti Eliae* (CSE) merangkap Pengerusi Majlis Hidup Bakti Keuskupan Keningau berharap agar anggota hidup bakti mengenang kembali panggilan dan karunia mereka semasa menjadi anggota hidup bakti agar mereka dapat membawa Yesus di mana sahaja dengan sukacita.

Pada akhir Misa, Uskup Cornelius mengumumkan tuan rumah perayaan Hidup Bakti 2025 ialah paroki Kemabong, Tenom. — *Stella Eming Dydimus*

Uskup Agung KL kunjungi mantan mufti WP

PETALING JAYA: Delegasi Gereja Katolik yang diketuai Uskup Agung Julian Leow, mengunjungi bekas menteri mufti Wilayah Persekutuan (WP) dan mantan menteri hal ehwal agama, Dato' Dr Zulkifli Mohamed al-Bakri sempena Minggu Keharmonian Antara Agama Seluruh Dunia dari Feb 1-7.

Pertemuan itu membincangkan usaha mengukuhkan keharmonian agama di Malaysia, kata Dr Zulkifli dalam catatan Facebook pada Februari 1.

"Malaysia adalah contoh negara Islam berbilang kaum dan agama yang berjaya mengekalkan keharmonian walaupun ada kalanya timbul isu dan polemik," tulis Dr Zulkifli.

Turut menyertai delegasi lawatan dari Gereja ialah



Uskup Agung Julian bersama mantan mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Dr Zulkifli.

Fr Dr Clarence Devadass, Fr George Harrison, Fr Christopher Soosaipillai, Fr Xavier Andrew, Fr Gregory Chan dan ketua-ketua gereja lain dari Lembah Klang, Nilai dan Seremban.

Perhimpunan tahunan diakon tetap di Pulau Pinang



PULAU PINANG: Lapan belas diakon tetap, diiringi isteri masing-masing, bersama tiga calon diakon tetap dari Keuskupan Pulau Pinang, telah menyertai Perhimpunan Tahunan Diakon dan Isteri Semenanjung Malaysia yang diadakan baru-baru ini di Basilika Kecil Sta Anna.

Penyelaras sesi ialah Fr Colin Nunis, seorang paderi Katolik Melkite, dan isterinya Agnieszka, yang kini menetap di Melbourne.

Turut hadir ialah Kardinal Sebastian Francis dan Uskup Agung Julian Leow.

Perhimpunan ini bertujuan

untuk menyediakan para diakon tetap untuk membiasakan diri dengan nilai-nilai sinodal seperti mendengar, berkongsi dan bergabung pelayanan.

Elemen-elemen ini adalah penting dalam pelayanan mereka terhadap Gereja dan komuniti, serta membantu mereka memilih atau menggunakan pendekatan yang lebih berkesan dan inklusif untuk pelayanan.

Satu aspek penting dalam acara ini ialah sesi khas bagi para isteri diakon tetap yang memberikan mereka peluang untuk berkongsi dan membincangkan pengalaman-

mereka sebagai pasangan diakon tetap.

Uskup Agung Julian, dalam homilinya, menekankan kemahiran kepimpinan iaitu ketelusan, kebolehpercayaan dan konsistensi sebagai kualiti penting untuk kepimpinan pastoral yang berkesan serta membolehkan diakon membina hubungan yang kukuh dan jujur dalam komuniti yang mereka layani.

Dalam ucapan penutupnya, Kardinal Sebastian menyeru para diakon tetap agar memulakan perjalanan sinodal dalam pelayanan mereka.